

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

HIGHLIGHTS

Majlis Belanggar Meja Raya Sempena Sambutan Aidilfitri Tahun 2025 UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

Penulis : Normah Sadaie & Mohd Shafik Mohd Samsi

MUKAH, 28 APRIL 2025: Sempena meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446H, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan Majlis Belanggar Meja Raya yang berlangsung meriah di Dewan Sri Balau, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dengan menghimpunkan 300 tetamu termasuk kakitangan UiTM serta rakan-rakan strategik daripada pelbagai jabatan kerajaan dan agensi, dalam suasana penuh ceria dan muhibah hari ini.

Majlis tersebut dihadiri Yang Berhormat En. Royston bin Valentine, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.57 Tellian, Professor Dr. Firdaus Abdullah, Rektor UiTM Cawangan Sarawak dan ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM Cawangan Sarawak. Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan dan wakil agensi di bahagian Mukah serta tetamu lain.

Antara pengisian majlis termasuklah jamuan hidangan utama, persembahan tarian dan nyanyian lagu-lagu raya, dan pertandingan gerai juadah raya terbaik. Terdapat 11 gerai juadah raya yang mewakili setiap unit yang ada di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dan pelbagai menu tradisional dan moden telah disajikan seperti kelupis, kek lapis Sarawak, ketupat, bubur lenuai, kambing golek, sate, kuih-muih dan pencuci mulut.

Turut diadakan juga adalah sesi cabutan bertuah dan aktiviti santai yang melibatkan semua tetamu. Penganjuran majlis ini diharap dapat memperkukuh jaringan kerjasama dan mengeratkan lagi ikatan silaturahmi di antara UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dengan semua agensi dan jabatan yang terlibat.



Sesi bergambar para tetamu jemputan bersama YB En. Royston bin Valentine

